

04 DEC 1996

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA RAJA BHUMIBOL

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuaku Ja'afar hari ini mengirim keputusan tahniah kepada Raja Bhumibol Adulyadej sempena ulang tahun ke-69 Hari Keputeraan dan Hari Kebangsaan Thailand.

Menurut keputusan itu, "Sempena Hari Keputeraan ini dan Hari Kebangsaan Thailand, Beta dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengucapkan tahniah dan ucap selamat kepada Tuanku dan Permaisuri Sirikit."

Seri Paduka berharap semoga hubungan dan kerjasama rapat antara kedua-dua negara akan terus kukuh dan berkembang demi faedah bersama pada tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar keputusan yang sama kepada Perdana Menteri Thailand Chavalit Yongchaiyudh.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai kerjasama rapat dan persahabatan dengan Thailand dan berharap kerjasama antara kedua-dua kerajaan akan berterusan pada masa depan.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Chavalet atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri baru Thailand.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi pula mengirim keputusan kepada rakan sejawatannya Prachuab Chaiyasarn. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Prachuab atas pelantikannya sebagai Menteri Luar. -- BERNAMA

HT FAZ